


ENHANCING INNOVATIONS IN e-LEARNING FOR FUTURE PREPARATION

Volume 5, 2023

e-ISBN : 978-967-25608-8-3



SIG CS@e-Learning
Unit Penerbitan
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Media
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

BERSEMUKA atau ATAS TALIAN?

*Noor Aina Abdul Razak¹ dan Nurhafizah Ahmad²
*nooraina@uitm.edu.my¹, nurha9129@uitm.edu.my²

^{1,2}Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

**Corresponding Author*

ABSTRAK

Sejak pandemik Covid-19 melanda dunia pada penghujung tahun 2019, kehidupan manusia secara amnya telah banyak berubah daripada kebiasaan. Bidang pendidikan juga tidak terkecuali daripada mengalami perubahan yang agak drastik kesan daripada pandemik ini. Susulan daripada itu, pelbagai kaedah pembelajaran atas talian atau "online distance learning" telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran. Perubahan kaedah daripada tradisional kepada penggunaan teknologi ini pasti mempunyai kesan kepada para pelajar terutama di institusi pengajian tinggi. Lantaran itu, satu tinjauan kuantitatif yang menggunakan soal selidik ringkas dijalankan untuk meninjau pandangan dan pilihan responden antara pembelajaran bersemuka atau secara atas talian. Sampel yang digunakan adalah para pelajar semester Oktober 2022-Februari 2023 yang mengambil subjek MAT565 dan STA408 di UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Selepas pengumpulan data, tinjauan ini mendapati 79.6% daripada sejumlah 118 responden memilih kelas secara bersemuka berbanding secara atas talian kerana ia lebih berfaedah, menyeronokkan dan meriah.

Keywords: *pembelajaran atas talian, pembelajaran bersemuka, "online distance learning"*

Pengenalan

Penghujung tahun 2019, dunia telah digemparkan dengan kemunculan wabak baru yang dikenali sebagai Covid-19. Sejak itu, beberapa perintah kawalan pergerakan (PKP) dengan prosedur operasi standard (SOP) tertentu telah dilaksanakan bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia. Ia bertujuan mengekang daripada wabak terus tersebar yang boleh mengakibatkan kematian yang tragis buat umat manusia. Kemunculan Covid-19 yang tidak dijangka ini, sekaligus merubah corak pengajaran dan pembelajaran yang selama ini berpaksikan kaedah tradisional iaitu secara bersemuka. Dengan adanya sekatan semasa PKP, semua institusi pengajian sama ada rendah, menengah dan universiti telah ditutup sepenuhnya.

Maka, pembelajaran atas talian telah menjadi norma baharu dalam kalangan semua pelajar termasuk di universiti. Bermula dengan pengajaran dan pembelajaran atas talian ini, para pelajar dan tenaga pengajar juga perlu mengubah cara pembelajaran dan penyampaian masing-masing. Pada peringkat permulaan ia dilaksanakan, terdapat beberapa kekangan dan kerisauan yang perlu dihadapi. Di antaranya ialah kandungan pembelajaran yang terhad dan tidak menarik, serta kesediaan dan kesedaran para pelajar terhadap sistem pembelajaran berpaksikan teknologi digital (Hafiza, 2020), capaian internet yang rendah, had dan kelajuan data yang agak lambat, dan lokasi yang berada jauh

daripada kawasan bandar (Muthuprasad et al., 2021). Begitu juga dengan kebimbangan terhadap penyalahgunaan aplikasi digital yang mudah diakses seperti yang dinyatakan oleh Nor Hanim, Rafizah dan Noor Aina (2021).

Namun begitu, setelah hampir tiga tahun menjalani dan mengikuti pembelajaran secara atas talian, pada penghujung 2022, Universiti Teknologi MARA (UiTM) akhirnya memberi ruang untuk pengajaran dan pembelajaran diadakan dalam dua medium, bersemuka dan ODL. Perkara ini tentu dilihat sebagai sesuatu yang amat baik buat semua pihak. Namun, timbul pula tanda tanya, yang manakah sebenarnya menjadi pilihan buat para pelajar terutamanya di institusi pengajian tinggi awam atau pun swasta. Hasil tinjauan yang dilakukan oleh Abdul Aziz dan Aida Zuraina (2020) mendapati bahawa kesediaan para pelajar untuk pembelajaran atas talian berada pada tahap yang sederhana, manakala hubungan antara motivasi pelajar dan pembelajaran atas talian adalah sangat signifikan. Namun begitu, ia masih perlu diberi tumpuan kerana mungkin wujudnya beberapa faktor yang boleh merencatkan proses pembelajaran yang dilaksanakan.

Kajian yang dilaksanakan oleh Gherhes et al (2021) mendapati dalam kalangan responden mereka, para pelajar lebih berminat untuk menjalani pembelajaran secara bersemuka berbanding dengan atas talian. Malahan, lebih separuh daripada responden menyatakan bahawa mereka mahu kembali kepada format pengajaran tradisional apabila wabak Covid-19 telah berakhir. Sementara itu, beberapa kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik menunjukkan keputusan yang sama iaitu persepsi para pelajar terhadap pembelajaran atas talian berada pada tahap sederhana (Mohd Noor, Rosni & Kamal Azmi, 2021; Nur Akalili & Nurfaradilla, 2021; Anisah Bahyah, Azu Farhana & Mariati, 2022). Juwairiah dan Roslinda (2021) yang memfokuskan terhadap pelajaran matematik mendapati bahawa kebanyakan respondennya mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap pembelajaran atas talian untuk subjek ini dengan sebilangan kecil sahaja mempunyai tahap kepuasan yang rendah.

Begitu juga keputusan yang diperolehi oleh Rozelia Haizah dan Nur Farakhanna (2022), di mana tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian adalah tinggi. Dalam pada itu, tinjauan oleh Ainul Nadzifah et al. (2022) terhadap subjek pengajian Islam menunjukkan motivasi pelajar berada pada tahap yang rendah apabila menjalani pembelajaran atas talian. Selaras dengan ini, menurut kajian yang dijalankan oleh Siti Balqis dan Maisurah (2021), pencapaian pelajar yang disoal selidik tidak dipengaruhi oleh kaedah pembelajaran secara bersemuka atau atas talian. Walaupun para pelajar dapat mengadaptasi kepada susana baru, terdapat juga beberapa kekangan yang perlu dihadapi apabila sistem pembelajaran secara tradisional berubah kepada pembelajaran atas talian (Aimi Shatirah & Nur Faradilla, 2022).

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dinyatakan, maka kajian awal ini dilaksanakan untuk meninjau pandangan dan pilihan responden terhadap pembelajaran atas talian dan secara bersemuka.

Metodologi

Kajian awal yang dijalankan ini melibatkan 118 pelajar Kolej Kejuruteraan UITM CPP yang mengambil subjek *Advanced Differential Equations* (MAT565) dan *Statistics for Science and Engineering* (STA408) pada semester Oktober 2022-Februari 2023. Bagi subjek MAT565, jam temu kuliah dan tutorial adalah secara bersemuka, manakala bagi STA408, dua jam kuliah secara atas talian, dan sejam kuliah serta tutorial secara bersemuka. Kesemua para pelajar ini melalui proses pengajaran dan pembelajaran atas talian secara penuh pada semester Mac-Julai 2022. Analisa deskriptif dijalankan terhadap keputusan soal selidik yang diedarkan menggunakan *Google form* kepada setiap pelajar yang terlibat.

Analisa dan Perbincangan

Keputusan analisa soal selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa jumlah responden lelaki 35.2% lebih banyak daripada jumlah responden perempuan. Secara totalnya, 80 responden ialah lelaki (67.8%) dan 38 responden ialah perempuan (32.2%). Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden dalam kajian.

Jadual 1: Kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan %
Lelaki	80	67.8
Perempuan	38	32.2
	118	100%

Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden yang mengambil bahagian dalam menjawab soal selidik adalah daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik iaitu 49 orang atau 41.5%. Pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Awam adalah sebanyak 40 orang atau 33.9%, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal sebanyak 17 orang (14.4%) dan hanya 12 pelajar (10.2%) daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia.

Jadual 2: Kekerapan dan peratusan responden mengikut fakulti


Fakulti	Kekerapan	Peratusan %
PKA	40	33.9
PKM	17	14.4
PKE	49	41.5
PKK	12	10.2
	118	100%

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden mengikut subjek. 75.4% (89 pelajar) adalah pelajar yang mengambil subjek statistik, manakala selebihnya (24.6%) mengambil subjek matematik.

Jadual 3: Kekerapan dan peratusan responden mengikut subjek


Subjek	Kekerapan	Peratusan %
Matematik	29	24.6
Statistik	89	75.4
	118	100%

Rajah 1 menunjukkan keputusan pilihan kaedah pembelajaran yang lebih digemari oleh pelajar. Pelajar ditanya sama ada mereka lebih menggemari kaedah pembelajaran secara atas talian atau kaedah pembelajaran secara bersemuka di dalam bilik kuliah. Berdasarkan analisis kajian, 80% daripada mereka lebih menggemari kaedah pembelajaran secara bersemuka berbanding pembelajaran secara atas talian. Sebanyak 20% pelajar lebih menggemari kaedah pembelajaran secara atas talian berbanding pembelajaran secara bersemuka.



Rajah 1: Kaedah pembelajaran pilihan pelajar

Bagi soalan “Dalam medium manakah anda rasa lebih seronok dan meriah untuk belajar?”, Rajah 2 menunjukkan majoriti (75%) pelajar memilih medium bersemuka lebih seronok dan meriah berbanding medium atas talian (25%). Hal ini mungkin disebabkan oleh masalah capaian internet, peluang untuk berkomunikasi, tahap motivasi dan suasana belajar yang kurang memberansangkan seperti yang dilaporkan oleh Aimi Shatirah dan Nurfaradilla (2022).



Rajah 2: Medium yang menyeronok dan meriah untuk belajar.


Rajah 3 pula memaparkan keputusan bagi soalan “Kaedah pembelajaran manakah yang lebih berfaedah untuk anda?”. Berdasarkan analisa di bawah, 74% peratus daripada responden memilih kaedah pembelajaran secara bersemuka lebih berfaedah untuk diri mereka berbanding pembelajaran secara atas talian. Hal ini menyokong dapatan oleh Gherhes et al (2021) yang disebut sebelum ini.



Rajah 3: Kaedah pembelajaran yang lebih berfaedah.

Rajah 4 menunjukkan kaedah pembelajaran yang menjadi pilihan pelajar mengikut fakulti dan subjek. Berdasarkan analisis kajian untuk subjek MAT565, didapati semua pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal memilih kaedah pembelajaran secara bersemuka. Hal ini menjadikan tiada pelajar yang menggemari kaedah pembelajaran secara atas talian. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa hanya tiga orang pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia memilih kaedah pembelajaran atas talian. Selain itu, berdasarkan analisis kajian untuk subjek STA408, majoriti pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Awam memilih kaedah pembelajaran secara bersemuka berbanding pembelajaran secara atas talian. Seramai 31 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam memilih pembelajaran secara bersemuka, manakala 9 orang lagi lebih menggemari pembelajaran secara atas talian. Tren yang sama boleh dilihat pada pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik di mana 37

orang pelajar fakulti tersebut lebih menggemari pembelajaran secara bersemuka berbanding pembelajaran atas talian.



Rajah 4: Kaedah pembelajaran yang disukai pelajar mengikut subjek dan fakulti.

Kesimpulan

Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau pandangan dan pilihan pelajar-pelajar kejuruteraan yang mengambil subjek MAT565 dan STA408. Secara keseluruhannya, tinjauan ini membuktikan bahawa majoriti para pelajar yang terlibat dalam soal selidik memilih untuk belajar secara bersemuka berbanding dengan atas talian. Mereka juga berpendapat, pembelajaran bersemuka adalah lebih menyeronokkan dan meriah serta lebih berfaedah. Pada masa hadapan, kajian ini akan dilanjutkan untuk mengetahui sebab-sebab mereka memilih untuk belajar secara bersemuka dan atas talian.

References:

- Abdul Aziz, I. & Aida Zuraina, M. A. T. (2020). Pembelajaran atas talian: Tinjauan terhadap kesediaan dan motivasi dalam kalangan pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 68-82.
- Aimi Shatirah, M. S., & Nur Faradilla, M. N. (2022). Pengalaman pelajar fakulti pendidikan ukm bangi Terhadap pembelajaran atas talian semasa pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 198-208.
- Anul Nadzifah, M. A., Siti Syarah, M. T., Shuhaib, S., & Abang Zainal Abidin, A. A. (2022). Motivasi dalam pembelajaran dan pengajaran secara atas talian. *Sains Insani, Special Issue*. 72-83.
- Anisah Bahyah, A., Azu Farhana, A., & Mariati, S. (2022). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran atas talian pelajar di UniKL MICET semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Kesidang*, 7. 91-102.

- Gherhes, V., Stoian, C. E., Farcasiu, M. A. & Stanici, M. (2021). E-Learning vs. face-to-face learning: Analyzing students' preferences and behaviors. *Sustainability* 13, 4381, 1-15. <https://doi.org/10.3390/su13084381>
- Hafiza, A. (2020). Memanfaatkan e-pembelajaran ketika Pandemi Covid-19: *Nota Kampus*. Bernama: Kuala Lumpur.
- Juwairiah, M., & Roslinda, R. (2021). Tahap kepuasan pembelajaran matematik atas talian semasa pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(4), 1-20. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i4.752>
- Mohd Noor, H., Rosni, W., & Kamal Azmi, A. R. (2021). Kajian awal tentang pelaksanaan pembelajaran atas talian dalam kalangan mahasiswa Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 148-159.
- Muthuprasad, T., Aiswarya, S., Aditya, K. S., & Girish, K. J. (2021). Students' perception and preference for online education in India during Covid-19 pandemic. *Social Sciences & Humanities Open*, 1-11. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2020.100101>
- Nor Hanim, A. R., Rafizah, K. & Noor Aina, A. R. (2021). Quality Assurance: Perspectives on Readiness, Trust, Cheating and Plagiarism in E-assessment. *International Journal of Practices in Teaching and Learning (IJPTL)*, 1(2), 1-6.
- Nur Akallili, M. A., & Nurfaradilla, M. N. (2021). Kajian tinjauan persepsi murid sekolah menengah terhadap pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. *Jurnal dunia Pendidikan*, 3(2), 344-361.
- Rozelia Haizah, A. R., & Nur Farahkhanna, M. R. (2022). Pembelajaran secara dalam talian: Tahap kesediaan dan keberkesanan pelaksanaannya kepada pelajar. *LSP International Journal*, 9(1), 31-43. <https://doi.org/10.11113/lspi.v9.18174>